

21/06/2003

Wakil Iran anggap hudud tidak sesuai

HUKUM hudud tidak sesuai dilaksanakan di negara ini kerana corak masyarakat yang pelbagai kaum dan agama, kata Penasihat Presiden Iran, Prof Dr H Ghafoori Fard.

Beliau berkata, sebagai negara Islam, Malaysia sudah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam membangunkan rakyat dan negara menerusi sistem perundangan sedia ada.

"Sistem hudud tidak boleh dilaksanakan di negara ini... tidak sesuai," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau adalah antara 70 delegasi membabitkan 26 parti dari 21 negara yang mengikuti Perhimpunan Agung Umno ke-54.

Timbalan Pengerusi Parti Keadilan dan Pembangunan Turki, Saban Disli, berkata Turki kagum dengan pembangunan yang berjaya dicapai Malaysia, sebuah negara Islam dalam tempoh yang singkat.

"Kita kagum Malaysia berjaya mencapai Wawasan 2020 lebih awal daripada yang ditetapkan. Oleh itu, banyak yang hendak kita belajar daripada Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Malaysia adalah model negara Islam yang terbaik," katanya.

Mengulas peralihan kuasa di negara ini, Saban berkata, pendekatan itu adalah langkah terbaik bagi memastikan kestabilan dan keharmonian negara ini diteruskan.

"Dr Mahathir memberi peluang kepada Datuk Seri Abdullah untuk bersedia.

Kita yakin Datuk Seri Abdullah akan berjaya bangunkan negara," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Parti Tindakan Demokratik Bosnia Herzegovina, Jahic Elmir, berkata negaranya berminat untuk menimba pengalaman Malaysia mengekalkan keamanan negara sekali pun negara ini terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan agama, sama seperti Bosnia.

Beliau berkata, pihaknya amat kagum dengan Malaysia kerana berjaya membangun dengan pesat walaupun majoritinya beragama Islam.

"Malaysia membuktikan negara Islam boleh membangun dan menjadi negara yang kuat. Ini yang kita mahu belajar dari Malaysia," katanya sambil menyifatkan Bosnia mempunyai banyak persamaan dengan Malaysia.